

Asas (2005–2010)

Membina Asas Kepercayaan Awam

Susulan Krisis Kewangan Asia 1997/1998, Malaysia menyedari keperluan untuk mewujudkan satu rangka kerja perlindungan kewangan yang mantap bagi mengukuhkan keyakinan awam serta mengekalkan kestabilan sistem kewangan. Penubuhan PIDM pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia menandakan langkah penting ke arah pencapaian matlamat tersebut.



Sejak awal lagi, mandat kami jelas: untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit (DIS) bagi melindungi pendeposit daripada kehilangan wang simpanan sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Perlindungan ini meliputi deposit konvensional dan Islam, menjadikan PIDM sebagai satu jaringan keselamatan yang inklusif bagi semua pendeposit di Malaysia.

Kami turut membangunkan rangka tadbir urus yang kukuh sejak awal. Sebuah Lembaga Pengarah bukan eksekutif yang disokong oleh jawatankuasa audit, tadbir urus dan imbuhan, memastikan pengawasan serta akauntabiliti yang teliti. Kami juga menandatangani Strategic Alliance Agreement bersama Bank Negara Malaysia (BNM), yang memeterai kerjasama dalam bidang pemantauan risiko dan pertukaran maklumat.

Dari sudut operasi, kami membangunkan infrastruktur yang diperlukan bagi memastikan tahap kesediaan yang menyeluruh. Sistem teras dan proses operasi ditubuhkan untuk menyokong intervensi serta resolusi ketika krisis, termasuk sistem pembayaran balik yang membolehkan pembayaran dibuat dengan tepat dan efisien sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Ini dilengkapi dengan pelan kesinambungan perniagaan dan pengurusan krisis yang komprehensif, bagi memastikan keyakinan awam dapat dikekalkan walaupun dalam keadaan tidak menentu.

Pada tahun 2008, kami memperkenalkan penambahbaikan besar kepada rangka kerja pendanaan dengan beralih daripada model premium kadar rata kepada Sistem Premium Berbeza (Differential Premium System – DPS).

Melalui pendekatan berasaskan risiko ini, premium institusi ahli dinilai berdasarkan profil risiko masing-masing – semakin rendah risikonya, semakin rendah premium yang dikenakan, dan begitu juga sebaliknya. Peralihan ini bukan sahaja memastikan keadilan dalam penilaian premium, malah menggalakkan amalan kewangan berhemat merentas seluruh industri.

Namun, kami sedar bahawa perlindungan teknikal sahaja tidak memadai. Kepercayaan dibina melalui kefahaman. Justeru, kami melancarkan pelbagai kempen capaian awam bagi mendidik rakyat Malaysia mengenai perlindungan deposit serta peranan PIDM dalam mengekalkan kestabilan sistem kewangan.

Tahun-tahun awal PIDM bukan sekadar mengenai dasar dan prosedur, tetapi mengenai pembinaan asas strategik yang kukuh. Dengan membina kepercayaan awam serta kredibiliti institusi, kami mula menyemai keyakinan yang berpanjangan terhadap sistem kewangan Malaysia.

